

04 JUL 2002

AGONG UCAP TAHNIAH KEPADA PRESIDEN VENEZUELA

KUALA LUMPUR, 4 Julai (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Fauziah Tengku Abdul Rashid telah mengutuskan ucapan tahniah kepada Presiden Venezuela, Hugo Chavez Frias sempena Hari Kemerdekaan ke-190 negara itu.

Dalam perutusan itu yang dikeluarkan Wisma Putra di sini, Tuanku Syed Sirajuddin turut mendoakan kesihatan dan kesejahteraan Chavez.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dalam perutusan yang serupa kepada Chavez berkata, Malaysia dan Venezuela berkongsi aspirasi untuk lebih maju dan makmur demi kebaikan rakyat.

"Saya yakin kerajaan kita akan terus bekerjasama rapat dalam membawa kedua-dua negara ke arah pencapaian yang lebih cemerlang," kata beliau.

Dr Mahathir berharap Malaysia akan dapat bekerjasama rapat dengan Venezuela dalam menjayakan Kerjasama Selatan-Selatan dan Mesyuarat G-15.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar, dalam perutusan tahniah kepada rakan sejawatannya Roy Chaderton Matos berkata, kedua-dua negara boleh bekerjasama untuk terus memperkuatkan dan mempelbagaikan hubungan dua hala.

-- BERNAMA

NJ HS ROS